

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JUN 2022
 AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 18

Graduan TVET Idaman Industri

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

23-25 Jun 2022
Dataran Amanjaya Mall
Sungai Petani, Kedah

9.00 pagi hingga 10.00 malam

AKTIVITI SEPANJANG HARI

Waktu	23 JUN	24 JUN	25 JUN
9.00 pg - 10.00 mla	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan
10.30 pg - 12.00 tgh	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan
12.30 tgh - 2.00 ptg	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan
2.30 ptg - 4.00 ptg	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan
4.30 ptg - 6.00 ptg	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan
6.00 ptg - 8.00 ptg	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan
8.00 ptg - 10.00 mla	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan	Persembahan Sambutan Hari Kebangsaan

GRADUAN TVET IDAMAN INDUSTRI

KPLB komited perkasakan TVET@KPLB mengikut kehendak pasaran

280

Jumlah institusi pendidikan TVET di bawah KPLB

48,475

Jumlah pelajar di institusi TVET@KPLB sehingga Mac 2022

23-25 Jun 2022
Dataran Amanjaya Mall
Sg. Petani, Kedah.

9.00 pagi hingga 10.00 malam

“Keputusan SPM dia tidak cemerlang dan dia pilih untuk mengambil sijil kemahiran, dia berada di landasan yang betul dan berjaya sehingga menerima gaji yang tinggi,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Padang Terap itu berkata, media juga seperti Harian Metro perlu bersama-sama memainkan peranan untuk mempromosi bidang TVET yang boleh memberi pulangan lumayan.

Katanya, pelajar dan belia perlu diberi kesedaran bahawa bidang TVET ini salah satu laluan yang paling sesuai untuk melahirkan generasi tenaga kerja mahir yang dapat memenuhi keperluan industri baharu yang amat kritikal pada masa kini.

“Seiring dengan perkembangan revolusi industri 4.0 (IR 4.0) di seluruh dunia, landskap dunia pekerjaan mula berubah di mana banyak sektor pekerjaan akan semakin hilang dan akan digantikan dengan pekerjaan berasaskan kecerdasan buatan yang memerlukan tenaga kerja mahir dalam bidang berkali-

“TVET terbukti melahirkan ramai graduan yang mempunyai peluang pekerjaan yang cerah”
Mahdzir

Menurut beliau, TVET@KPLB juga mempunyai kerjasama yang utuh dan berterusan dengan industri untuk memastikan kehendak semasa industri dipenuhi.

“Apabila terdapat kerjasama dengan pihak industri, sudah tentu tenaga pakar industri dan pengajar akan dapat membimbing pelajar untuk meningkatkan kemahiran sejajar dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi semasa.”

“Sekiranya kemahiran yang dimiliki oleh pelajar sepadan dengan kemahiran yang dikehendaki pihak industri, sudah pasti peluang pekerjaan bagi graduan TVET akan lebih terjamin dan kerjaya berpendapatan tinggi dapat direalisasikan,” katanya.

Katanya, ditanya mengenai harapan beliau terhadap pengajuran Ekspo TVET@KPLB 2022, beliau berkata, ekspo itu diharap dapat menarik minat masyarakat bandar dan luar bandar khususnya pelajar dan belia untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan seterusnya menyambung pengajian dalam bidang TVET di institusi TVET di bawah KPLB.

“Program TVET@KPLB yang dianjurkan menyasarkan peningkatan pendaftaran pelajar di semua institusi pendidikan TVET@KPLB setiap tahun serta kebolehpasaran graduan TVET melebihi 86.5 peratus pada tahun 2025 selaras dengan sasaran KPI Nasional yang ditetapkan. Sehingga 31 Mac 2022, jumlah pelajar di institusi TVET@KPLB adalah sebanyak 48,475 pelajar.”

“Institusi Pendidikan TVET@KPLB berupaya melahirkan graduan yang berkualiti mengikut kehendak pasaran kerja dan seterusnya menawan peluang masa depan yang cerah kepada para pelajar dan belia untuk mendapat pekerjaan dalam pelbagai bidang kerjaya berpendapatan tinggi ataupun menjadi usahawan berjaya,” katanya.